



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA



KEJOHANAN PIALA MENTERI PENDIDIKAN
1MURID 1SUKAN
2017

FUTSAL

BAHAGIAN SUKAN, KPM
PERINGKAT KEBANGSAAN



PERATURAN PERTANDINGAN FUTSAL

KEJOHANAN PIALA MENTERI PENDIDIKAN 1MURID 1SUKAN

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA PERINGKAT KEBANGSAAN

1. NAMA PROGRAM

Kejohanan Futsal Piala Menteri Pendidikan 1Murid 1Sukan Peringkat Kebangsaan.

2. PENGANJUR

Kementerian Pendidikan Malaysia

3. PENGELOLA

Jabatan Pendidikan Selangor

4. UNDANG-UNDANG PERMAINAN

Pertandingan akan dijalankan mengikut peraturan Peraturan Am Piala Menteri Pendidikan 1Murid 1Sukan, Undang-undang permainan Futsal sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) serta Peraturan Am Majlis Sukan Sekolah Malaysia.

5. JENIS PERTANDINGAN DAN KELAYAKAN HAD UMUR PESERTA

- 5.1 Pertandingan berpasukan antara sekolah-sekolah mewakili negeri seluruh Malaysia.
- 5.2 Kelayakan dan Had Umur Peserta merujuk kepada Peraturan Am Kejohanan Piala Menteri Pendidikan 1Murid 1Sukan KPM 2017.

6. PENDAFTARAN PEMAIN

- 6.1 Tiap-tiap pasukan mengandungi tidak lebih daripada 1 orang Jurulatih serta 6 orang pemain.
- 6.2 Pendaftaran menggunakan Borang Pendaftaran Pasukan M02 dan Borang Pendaftaran Individu M01

7. **PENYERTAAN / KELAYAKAN PEMAIN / HAD UMUR**

- 4.1 Sila rujuk Peraturan Am Piala Menteri Pendidikan 1Murid 1Sukan
- 4.2 Pemain terdiri dari **WARGANEGARA MALAYSIA** dan pelajar berdaftar di sekolah-sekolah kerajaan sahaja.
- 4.3 Kelayakan mewakili daerah adalah mengikut daftar sekolah terkini seseorang murid.
- 4.4 Penyertaan peserta bagi Kejohanan ini boleh terdiri daripada murid Kelas Peralihan, Tingkatan 1 dan Tingkatan 2
- 4.5 Semua peserta hendaklah bersedia menunjukkan kad pengenalan asal kepada pengelola. Seseorang peserta yang hilang kad pengenalan mesti mempunyai dokumen pendaftaran KPPK 1/9 atau KPPK 1/11 dari Jabatan Pendaftaran Negara.
- 4.6 Pendaftaran peserta hendaklah menggunakan borang pendaftaran M01 dan M02 beserta salinan kad pengenalan yang telah disahkan oleh Pengetua / Penolong Kanan

8. **SISTEM PERTANDINGAN**

- 8.1 Sistem pertandingan dijalankan seperti berikut:
 - 8.1.1 Cara Liga 2 Kumpulan (A dan B)

- i. **Pusingan Pertama**

- 8.1.2 Pasukan yang mengambil bahagian dibahagikan kepada 2 kumpulan iaitu A dan B. Pertandingan akan dijalankan secara liga.

Pasukan akan ditempatkan dalam 2 kumpulan tersebut dengan cabutan undi mengikut undang-undang permainan berkenaan.

ii. **Pusingan Kedua (Suku Akhir)**

Pemenang 1, 2, 3 dan 4 dalam setiap kumpulan akan layak ke pusingan suku akhir dan pertandingan akan dijalankan secara kalah mati.

Perlawanan adalah ditetapkan sebagaimana berikut;

SUA 1	Pemenang 1 Kumpulan A	Lawan	Pemenang 4 Kumpulan B
SUA 2	Pemenang 2 Kumpulan B	Lawan	Pemenang 3 Kumpulan A
SUA 3	Pemenang 1 Kumpulan B	Lawan	Pemenang 4 Kumpulan A
SUA 4	Pemenang 2 Kumpulan A	Lawan	Pemenang 3 Kumpulan B

SUA – Suku Akhir

- 8.1.3 Pasukan yang menang diperingkat suku akhir akan bertanding di peringkat separuh akhir mengikut ketetapan berikut :

SA 1	Pemenang SUA 1	Lawan	Pemenang SUA 2
SA 2	Pemenang SUA 3	Lawan	Pemenang SUA 4

SA – Separuh Akhir

- 8.1.5 Pasukan-pasukan yang menang pada perlawanan separuh akhir akan memasuki Perlawanan Akhir bagi menentukan Johan dan Naib Johan, sementara pasukan-pasukan yang kalah akan bermain untuk menentukan tempat ketiga dan keempat.

8.2 Peraturan permainan liga digunakan seperti ketetapan berikut :

8.2.1 Pemberian mata – Menang 3 mata, Seri 1 mata dan kalah 0 mata.

8.2.2 Sekiranya mana-mana pasukan gagal bermain setelah diberikan tempoh menunggu 10 minit dari masa bermain sebenar maka pasukan yang hadir akan diberikan kemenangan percuma dengan memperolehi 3 mata dan 2 jaringan.

8.2.3 Jika terdapat dua atau lebih pasukan yang mempunyai mata yang sama, maka akan diambil kira ketetapan seperti berikut :

- a. Perbezaan jaringan, atau
- b. Jumlah jaringan yang paling banyak, atau
- c. Pemenang Perlawanan terdahulu, atau
- d. Ditentukan oleh Pengurus Pertandingan

8.3 Sekiranya dalam perlawanan secara kalah mati, terdapat keputusan seri setelah tempoh masa bermain, maka akan ditentukan menerusi sepakan dari tanda penalti. Setiap pasukan akan mengambil 3 kali sepakan secara bergilir dan jika masih seri sepakan dari tanda penalti dijalankan secara 'sudden death".

9. JANGKAMASA PERLAWANAN

9.1 Masa Permainan mengikut ketetapan berikut :

9.1.1 Masa permainan ialah 7 minit bagi setiap separuh masa, dengan masa rehat tidak melebihi 1 minit (7 + 1 + 7).

9.1.2 Sistem 'stopping time' dan 'time out' tidak diguna pakai.

10. PENGGANTIAN PEMAIN

Tiada had bagi penggantian pemain ketika pada satu-satu perlawanan.

11. JUMLAH PEMAIN

- 11.1 Setiap pasukan mestilah mempunyai minima empat (4) pemain termasuk seorang Penjaga Gol serta 2 orang pemain simpanan.
- 11.2 Sekiranya kurang dari empat (4) orang pemain dari salah satu pasukan turun ke padang apabila pengadil memerintahkan supaya perlawanan dimulakan pada waktu yang diiklankan, maka pasukan yang mempunyai empat (4) orang pemain yang berada di dalam gelanggang, hendaklah diberi kemenangan percuma dan jaringan 3-0.
- 11.3 Pasukan yang mempunyai kurang daripada 4 orang pemain akan dikenakan tindakan atau tindakan-tindakan lanjut.

12. HADIAH

12.1 Pingat

ACARA	Emas	Perak	Gangsa	Ke-4	Jumlah Pingat
PASUKAN	6	6	6	6	24

12.2 Piala iringan

BIL	PIALA IRINGAN	JOHAN	JUMLAH
1	Futsal	1	1
2	Pemain Terbaik	1	1
3	Penjaring Terbanyak	1	1

12.2 Sijil Penyertaan

Sijil diberi mengikut kapasiti daftar pasukan

13. PAKAIAN PEMAIN

- 13.1 Setiap pemain hendaklah memakai alas kaki dan stokin mengikut spesifikasi yang dibenarkan.
- 13.2 Setiap pemain hendaklah memakai jersi dengan nombor yang sama seperti dalam pendaftaran. Sebarang pengiklinan jenama rokok, minuman keras tidak boleh dipamerkan.
- 13.3 Setiap pasukan hendaklah menyediakan 2 set jersi dan mengisytiharkan warna jersi sebagai pasukan tuan rumah dalam borang pendaftaran. Jika terdapat persamaan warna jersi, maka pasukan pelawat perlu menukar jersi tersebut.
- 13.4 Ketua pasukan hendaklah memakai lilitan di lengan dan sekiranya pemain tersebut keluar, maka hendaklah diberikan kepada pemain yang mengambil alih tugas tersebut.

14. JADUAL PERLAWANAN

- 14.1 Jawatankuasa Pengelola akan menyediakan jadual pertandingan dengan masa memulakan perlawanan mengikut kesesuaian dan persetujuan penganjur.

15. PEGAWAI PERLAWANAN

Jawatankuasa Pengelola akan melantik pegawai-pegawai pertandingan bagi menguruskan perkara-perkara teknikal setiap perlawanan. Setiap pegawai perlawanan hendaklah menyiapkan laporan untuk dikemukakan kepada urusetia setelah tamat kejohanan.

16. TINDAKAN TATATERTIB

16.1 Jawatankuasa Tatatertib Pertandingan akan membincangkan perkara-perkara yang berlaku setelah menerima aduan bertulis daripada pengadil bertugas dan pasukan yang terlibat. Pengadil dan pasukan berkenaan tidak akan mengambil bahagian dalam perbincangan atau undian sedang dibincangkan.

16.2 Hukuman secara automatis, maka Jawatankuasa Tatatertib tidak akan bersidang untuk kesalahan seperti ketetapan berikut :

BIL	AMARAN	HUKUMAN
1.	2 kad kuning dalam satu perlawanan	Penangguhan sementara bermain (sins bin) 3 minit dalam perlawanan semasa
2.	1 kad merah dalam satu perlawanan	Gantung satu pelawanan berikutnya kecuali bagi kes-kes yang berat (diputuskan mengikut peraturan 16.3)

16.3 Jawatankuasa Tatatertib hanya boleh menggantung seseorang pemain dari terus mengambil bahagian dalam kejohanan ini bagi kesalahan berulang dan kes-kes yang berat. Jika tindakan yang lebih keras dianggap perlu, maka perkara ini perlulah dipanjangkan kepada Jawatankuasa Penganjur untuk tindakan seterusnya.

16.4 Semua keputusan Jawatankuasa Tatatertib adalah muktamad dan tidak tertakluk kepada sebarang rayuan.

17. BANTAHAN

- 17.1 Bantahan terhadap keputusan atau kelayakan pemain mestilah dibuat secara bertulis kepada Setiausaha Pengelola atau wakilnya hendaklah diterima dalam tempoh masa (30) tiga puluh minit selepas berakhirnya perlawanan tersebut beserta bayaran **RM 200.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Sahaja)**. Wang tersebut tidak akan dikembalikan jika bantahan tersebut tidak berjaya.
- 17.2 Bantahan tidak boleh dibuat terhadap keputusan perkara-perkara dan fakta yang dibuat oleh pengadil di padang permainan.

18. ETIKA PEGAWAI DAN PEMAIN

- 18.1 Pengurus pasukan hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan setiap pegawai dan pemain termasuk penyokong mematuhi kepada etika dan tingkahlaku yang dihormati berdasarkan kepada semangat sukan yang tulin.
- 18.2 Tertakluk kepada pengesahan Penganjur, Jawatankuasa Pengelola boleh mengambil sebarang tindakan yang bersesuaian terhadap mana-mana pegawai, pemain dan penyokong yang bertindak tidak mengikut peraturan atau objektif pertandingan keseluruhannya dan tindakan ini mungkin meliputi hal-hal seperti penggantungan mana-mana pasukan, pegawai atau pemain dari penglibatan bagi sebarang jangkamasa yang sesuai.
- 18.3 Sebarang penipuan dalam perkara kelayakan pemain atau sama ada sengaja atau tidak sengaja adalah bertentangan dengan etika permainan. Tindakan memprotes sebarang keputusan dengan keluar padang permainan adalah perbuatan biadab yang harus dielakkan dan tidak sepatutnya diamalkan.

19. PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

- 19.1 Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam Peraturan Am ini dan Peraturan Permainan berkenaan akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola Kejohanan yang berkenaan dan keputusannya adalah muktamad.

Jawatankuasa Teknikal Futsal MSS Selangor
Kejohanan Piala Menteri Pendidikan 1Murid 1Sukan 2017
Kementerian Pendidikan Malaysia